



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE RELATIONSHIP BETWEEN ECONOMIC STATUS DURING COVID-19  
TRANSMISSION TO HOUSEHOLD HAPPINESS: A LITERATURE HIGHLIGHTS]**

**HUBUNGAN STATUS EKONOMI SEMASA PENULARAN COVID-19 TERHADAP  
KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA: SUATU SOROTAN LITERATUR**

NURUL FARHANA NAJWA SUKIMAN & NAZIRAH KAMAL BASAH<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UNIPSAS),  
KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang

\*Corresponding Author: [hananajwa300@gmail.com](mailto:hananajwa300@gmail.com)

Received Date: 15 June 2021 • Accepted Date: 15 December 2021

**Abstract**

This research presents about a relationship of economic status that is an important aspect of human life so that it can leave an impact either good or bad on marital happiness. This research was conducted to prove that the current economic rate of Covid19 virus transmission can change the perception of happiness in a household. Therefore, this research is an effort to see how this Covid19 transmission affects the well-being and happiness of the household. Next, recommendations and suggestions for overcoming family issues and problems about the economy during Covid19 transmission will be discussed. This research also aims to achieve the objective of the relationship of economic status during the spread of Covid19 as well as disseminate for the needs of knowledge and understanding of society today. The ideas gathered through the study of other journals are combined in accordance with the understanding of society in the modern era now. The objective of this research was first, to state a brief chronology of Covid19 virus transmission. Second, to clarify the importance of economics in households and third, to identify the relationship of economic status during the transmission of Covid19 on household happiness. This research methodology uses the method of document analysis and observation by studying articles, journals and so on to obtain information related to the relationship of economic status during the transmission of Covid-19 on the happiness of a household itself. This research is expected to help the community in understanding and being able to face critical situations that require the consolidation of economic knowledge in order to prepare for the coming day.

**Keywords:** Economic Status, Covid19, Marital Happiness.

**Abstrak**

Penyelidikan ini membentangkan tentang suatu hubungan status ekonomi yang menjadi aspek penting kehidupan manusia sehingga boleh meninggalkan kesan sama ada baik atau buruk terhadap kebahagiaan rumahtangga. Penyelidikan ini dijalankan bagi membuktikan kadar ekonomi semasa penularan virus Covid19 mampu mengubah persepsi kebahagiaan dalam sesebuah rumahtangga. Justeru itu, penyelidikan ini adalah satu usaha untuk melihat bagaimana

penularan Covid19 ini mempengaruhi kesejahteraan dan kebahagiaan rumahtangga. Seterusnya, saranan dan cadangan bagi mengatasi isu dan permasalahan keluarga tentang ekonomi ketika penularan Covid19 akan dibincangkan. Penyelidikan ini juga bertujuan supaya dapat mencapai objektif tentang hubungan status ekonomi semasa penularan Covid19 ini sekaligus menyebarkan untuk keperluan ilmu dan pemahaman masyarakat pada masa kini. Idea-idea yang dikumpulkan melalui kajian jurnal-jurnal yang lain digabungkan sesuai dengan pemahaman masyarakat di era zaman moden kini. Objektif penyelidikan ini adalah pertama, menyatakan kronologi ringkas penularan virus Covid19. Kedua, untuk menjelaskan kepentingan ekonomi dalam rumahtangga dan ketiga, untuk mengenalpasti hubungan status ekonomi semasa penularan Covid19 terhadap kebahagiaan rumahtangga. Metodologi penyelidikan ini menggunakan kaedah analisis dokumen dan pemerhatian dengan cara mengkaji artikel, jurnal-jurnal dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat berkaitan hubungan status ekonomi semasa penularan Covid-19 terhadap kebahagiaan sesebuah rumahtangga itu sendiri. Penyelidikan ini diharapkan dapat membantu masyarakat dalam memahami dan mampu menghadapi situasi genting yang memerlukan pemantapan ilmu ekonomi agar dapat membuat persediaan untuk hari mendatang.

**Kata kunci:** Status Ekonomi, Covid19, Kebahagiaan Rumahtangga.

**Cite as:** Nurul Farhana Najwa Sukiman & Nazirah Kamal Basah. 2021. [The relationship between economic status during Covid-19 transmission to household happiness: A literature highlights] Hubungan status ekonomi semasa penularan Covid-19 terhadap kebahagiaan rumahtangga: Suatu sorotan Literatur. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(3): 141-151.

## PENDAHULUAN

Umum mengetahui pada penghujung tahun 2019, seluruh dunia telah digemparkan dengan penularan wabak Covid19 yang mana wabak ini mula dikesan berlaku di Wuhan, China. Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), telah mengisytiharkan wabak ini sebagai pandemik setelah ia merebak secara global melibatkan kebanyakan negara di seluruh dunia (Cucinotta & Vanelli, 2020). Penularan wabak Covid19 telah berlaku dengan pantas.

Menurut laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 10 Oktober 2020 menunjukkan jumlah kes Covid19 telah mencecah 36 juta dengan lebih dari 1 juta kematian diseluruh dunia. Di Malaysia, jumlah kes positif telah mencecah angka 15,096 dan kematian sebanyak 155 orang (Laporan Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020) sekaligus wabak yang melanda Malaysia ini telah memberi kesan yang sangat besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan negara. Krisis wabak Covid19 yang meningkat dan menjangkiti rakyat Malaysia menyebabkan kerajaan terpaksa mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah untuk memutuskan rantaian pandemik Covid19 daripada terus merebak.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 telah dilaksanakan secara berperingkat sehingga ke fasa terakhir Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Disember 2020 bagi tahun tersebut. Polemik dari wabak yang berlaku telah mencetuskan implikasi besar kepada setiap aspek iaitu politik, ekonomi dan sosial serta mendapat pelbagai reaksi negatif masyarakat. Ini kerana, perintah yang dikeluarkan itu menyebabkan penduduk Malaysia perlu tinggal di rumah dan tidak lagi

dibenarkan untuk melaksanakan tugas harian di luar seperti kebiasaan. Justeru, senario yang berlaku memerlukan individu beradaptasi dan menyesuaikan diri dengan norma baharu ini (Abdul Rashid Aziz, 2020).

PKP dilanjutkan lagi dari tahun 2020 sehingga tahun 2021 dengan penambahan jumlah pesakit yang terjangkiti virus Covid19 hampir mencecah 10 ribu kes. Ini berpunca daripada penemuan varian baru dari Afrika Selatan pada Mac 2021. Ketika ini, 2 kes dikesan dan dipercayai daripada Kluster Jalan Lima iaitu pekerja sebuah syarikat di KLIA. Manakala, 1 kes daripada Kluster Kebun Baru dan 1 kes ialah ahli keluarga kes positif Covid19 yang tinggal serumah. Tambahan lagi, 9 kes positif Covid19 dijangkiti varian Afrika Selatan sehingga 31 Mac 2021 (Berita Harian, 2021).

Salah satu impak dari PKP yang dilaksanakan di negara ini adalah dari segi kesan terhadap sektor pekerjaan. Hal ini kerana, banyak sektor pekerjaan yang terpaksa ditutup sebagai usaha membantu kerajaan mengekang penularan wabak Covid19 daripada terus menular dalam masyarakat. Kebanyakan syarikat, operasi perniagaan, organisasi swasta serta kerajaan ditutup serta merta. Bahkan, penutupan perniagaan semasa PKP telah menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuklah gaji pekerja hingga menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja (Jabatan Perangkaan Negara, 2020).

Selain itu, sektor yang diberikan pengecualian daripada pelaksanaan PKP untuk beroperasi tetap mendapat impak buruk disebabkan perlu beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard atau Standard Operation Procedure (SOP) yang begitu ketat dan memakan kos tambahan. Tambahan pula, kurangnya kehadiran pelanggan disebabkan pematuhan kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan faktor terbesar kebanyakan syarikat mahupun pemilik perniagaan mengambil keputusan menutup premis perniagaan mereka. Malah, sekatan perjalanan dan penutupan sempadan telah menyebabkan sektor pelancongan terjejas teruk serta memberi kesan kepada sektor-sektor lain seperti perhotelan, industri makanan, pengangkutan dan banyak lagi (Jabatan Perangkaan Negara, 2020).

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Dr. Firdaus Abdul Ghani pada April 2020 menyatakan keganasan rumahtangga mula berlaku semasa penularan Covid19 dan PKP dijalankan. Dilaporkan bahawa terdapat peningkatan sebanyak tiga kali ganda kes keganasan rumahtangga yang dilaporkan di Hubei, China sejak diletakkan di bawah perintah berkurung (*lockdown*) ekoran wabak Covid19. Manakala, di negara Perancis pula, terdapat peningkatan sebanyak 32 hingga 36 peratus sejak PKP dijalankan. Ini turut dilihat di negara-negara lain seperti Sepanyol, Greenland dan Tunisia.

Masalah ekonomi terutamanya dalam kehidupan masyarakat difokuskan kepada institusi keluarga bukanlah satu fenomena baru. Masalah ini berlaku hampir seantero dunia, sejak bermulanya Covid19 menular. Masalah bekalan ekonomi dalam kelompok masyarakat adalah satu fitrah yang memerlukan kepada usaha untuk meningkatkan potensi negara dan membangunkan kesedaran dalam diri setiap individu apabila tibanya saat yang diperlukan. Ia menggugat keseluruhan aspek kehidupan manusia. Dengan demikian, penelitian ini diharapkan dapat menjadi rujukan secara ringkas tentang hubungan status ekonomi semasa penularan Covid19 terhadap kebahagiaan rumahtangga.

## **METODE**

Dalam penelitian ini menggunakan dua metode iaitu analisis dokumen dan pemerhatian. Menurut Othman (2001) dan Hamidah (2007) menyatakan metodologi sebagai suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penulisan dapat dicapai dengan sempurna. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif.

Penulisan Pustaka merupakan satu teknik yang digunakan oleh seseorang penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Ia hampir sama dengan kaedah dokumentasi. Ia merujuk kepada proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti (Charles Issawi, 1962). Dengan ini, kaedah dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti oleh penyelidik.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah mengumpul data-data dengan merujuk kepada dokumen-dokumen yang diperolehi. Setelah itu, penyelidik akan membaca, meneliti, menganalisis dan merumuskan serta membuat kesimpulan kepada persoalan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Kaedah dokumentasi ini banyak terdapat di dalam keseluruhan bab. Penyelidikan ini merupakan kajian kualitatif. Kajian kualitatif ialah kajian mencari dan memberi keterangan serta pemerhatian bukan numerikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kajian ini bersifat empirikal berasaskan fakta dan bukti objektif (Rozmi Ismail, 2013). Reka bentuk ini dipilih untuk membolehkan penyelidik memahami secara mendalam tentang hubungan status ekonomi semasa penularan Covid19 yang telah menjejaskan kebahagiaan rumahtangga.

## **SOROTAN LITERATUR**

Wabak Covid19 telah mempengaruhi dan memberi impak kepada seluruh dunia secara mendadak. Robert et al. (2020) menyatakan bahawa untuk melambatkan proses penularan wabak ini, negara seperti Amerika Syarikat juga telah melaksanakan polisi penjarakan sosial dan kawalan pergerakan yang ketat di mana polisi ini telah menyebabkan banyak rakyatnya terpaksa menutup perniagaan dan diberhentikan kerja terutamanya dalam industri yang dianggap bukan permintaan. Ia telah memberi kesan terhadap ekonomi yang dapat dilihat melalui pergolakan dalam pasaran saham, lonjakan tuntutan insuran yang disebabkan oleh pengangguran dan penutupan pelbagai jenis perniagaan di seluruh negara (Robert et al., 2020).

Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labor Organization, 2020) di mana pandemik Covid19 ini telah menyebabkan pengenalan langkah-langkah sekatan yang ketat yang memberi kesan terhadap ekonomi global, termasuklah peningkatan kadar pengangguran di seluruh dunia. Walaupun kawalan pergerakan diperketatkan dan banyak individu terpaksa tinggal di rumah dan tidak boleh keluar bekerja, namun kajian dari Dingel dan Neiman (2020) dengan menggunakan data dari maklumbalas terhadap dua tinjauan Jaringan Maklumat Pekerjaan mendapati bahawa sekitar 37 peratus daripada pekerjaan dapat dilakukan dari rumah.

Menyentuh isu hubungan status ekonomi semasa penularan wabak Covid19 terhadap kebahagiaan rumahtangga, terdapat kajian-kajian awal oleh Firth (1966) dan Djamour (1965)

yang menunjukkan bahawa dalam organisasi keluarga Melayu, walaupun suami menjadi pencari nafkah utama keluarga, isteri pula bertindak sebagai “*banker*” yang mengatur perbelanjaan keluarga. Pertengkaran keluarga akan berlaku jika suami cuba menipu isteri dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan harian beliau untuk kepentingan peribadi. Kadar perubahan peranan lelaki (suami) dari dunia kerja kepada dua keluarga adalah lebih lambat jika dibandingkan dengan kadar perubahan peranan wanita dari dunia keluarga kepada dunia kerja (Rapoport, 1976). Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh sistem nilai dan persepsi masyarakat yang lambat berubah selaras dengan perubahan masa. Walaupun pada masa ini dikatakan wujud keluarga *symmetrical* (Young & Willmott, 1975) di mana suami dan isteri sama-sama terlibat dalam dunia kerja dan dunia keluarga, tetapi beban kerja, khususnya dalam dunia keluarga masih berat sebelah, iaitu lebih banyak dipikul oleh isteri (Tomeh, 1983).

Manusia akan mengalami pelbagai jenis tindak balas emosi yang kurang menyenangkan. Berada dalam keadaan penafian dan tidak menerima situasi kewangan yang dihadapi, perasaan takut dan panik serta marah semuanya bermain dalam diri kita merupakan beberapa contoh tindak balas yang berkemungkinan akan berlaku. Anita (2014) menyatakan individu yang berada dalam krisis akan membina stress apabila mereka terus risau akan situasi ini dan akhirnya menjadikan individu tidak dapat fokus kepada kehidupannya. Ini akan menghalang seseorang daripada menjalankan tugas dengan efisien dan sempurna.

Kebanyakan pengkaji dan penyelidik berpendapat bahawa masalah ekonomi keluarga boleh mendatangkan tekanan terhadap kebahagiaan rumahtangga. Masalah tekanan adalah satu perkara yang tidak diingini oleh mana-mana individu di dalam kehidupan seharian. Ramai yang tertekan serta menderita apabila mengalami peristiwa atau masalah seperti kerosakan harta benda, kehilangan atau kegagalan dalam kerjaya, konflik rumah tangga dan sebagainya (Walker, 1985). Individu yang mengalami tekanan mempunyai ciri-ciri seperti bimbang, hilang tumpuan, cepat marah, tidak dapat tidur, hilang selera makan dan lain-lain lagi (Mirowsky & Ross, 2003).

Oleh itu, dalam mendepani cabaran hidup adalah amat penting bagi keluarga untuk memberi sokongan di antara satu sama lain. Tekanan berlaku apabila ahli keluarga tidak memberikan sokongan di antara satu sama lain. Individu memerlukan sokongan dari orang yang signifikan, iaitu keluarga. Sokongan sosial termasuklah dorongan, motivasi, empati, kepercayaan, penerimaan, penghargaan, kasih sayang dan galakan (Hawkins, Weilsberg & Ray, 1977). Setiap perubahan yang berlaku dalam hidup memerlukan penyesuaian dan kekuatan dalaman bagi meneruskan kehidupan.

## HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa isu-isu utama dalam ekonomi iaitu sumber ekonomi yang terhad, kehendak manusia yang tidak terhad, masalah kekurangan, masalah pilihan dan masalah kos lepas (Angeline Line, 2014). Dengan adanya masalah ekonomi boleh menjadi isu-isu utama terhadap kebahagiaan rumahtangga yang memberi kesan kemelesetan ekonomi ke atas ekonomi keluarga iaitu kuasa pembeli isi rumah akan menurun, terjadinya perselisihan pendapat antara ahli keluarga, kualiti kehidupan seisi rumah mula terjejas, isi rumah menjadi lebih berhemat dalam perbelanjaan harian dan yang terakhir ialah isi rumah akan mengurangkan perbelanjaan dan pelaburan dan sebaliknya akan mementingkan tabungan.

Bagi mengatasi masalah ekonomi yang menjejaskan kebahagiaan rumahtangga bagi setiap pasangan perlulah mempunyai langkah-langkah untuk mengatasi kemelesetan ekonomi dalam sebuah rumahtangga. Langkah-langkahnya ialah dengan membuat perancangan kewangan dengan teliti (Berita Harian, 2020). Selain itu, kesederhanaan dalam mengendali sumber keluarga seperti kewangan. Bukan itu sahaja, setiap isi rumah perlu bersikap rasional semasa menjalankan perbelanjaan harian. Secara tidak langsung isi rumah akan cuba meningkatkan produktiviti. Tidak ketinggalan juga, setiap isi rumah perlu membuat perancangan dahulu semasa membuat pelaburan di luar negara. Kesedaran ini wajar dipupuk dan disemai dalam sanubari setiap ahli keluarga (Berita Harian, 2020).

Kegawatan ekonomi boleh memberi kesan terhadap psikologi termasuklah pelbagai masalah sosial dan beberapa peningkatan kes-kes jenayah. Menurut pakar sosial, Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, sektor ekonomi yang berlaku di seluruh dunia termasuk di Malaysia akibat Covid19 telah menyebabkan pasaran perniagaan merudum. Seterusnya, akan dilampirkan beberapa jadual ringkas mengikut statistik utama di bahagian-bahagian tertentu. Bagi statistik utama tenaga buruh pada ST3 2020 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti dalam jadual 1:

Kelompok	Jumlah
Tenaga Buruh	15,840.6 ribu
Penduduk Bekerja	15,095.6 ribu
Penganggur	745.0 ribu
Luar Tenaga Buruh	7,324.6 ribu
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh	68.4%
Kadar Pengangguran	4.7%

Jadual 1: Statistik Utama Tenaga Buruh ST3 2020

Manakala bagi laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST3 2020 di dalam jadual 2:

Sektor	Jumlah (Peratus)
Perkhidmatan	4,353 ribu (52.4)
Pembuatan	2,153 ribu (26.0)
Pembinaan	1,262 ribu (15.2)

Jadual 2: Statistik Guna Tenaga ST3 2020

Bagi lebih memudahkan penelitian, dinyatakan pula statistik pekerja bagi ST3 2020 mengikut aktiviti utama ekonomi berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST3 2020 adalah seperti di jadual 3:

Kelompok	Jumlah Orang
Pertanian	1,875 ribu
Perlombongan dan Pengkuarian	78 ribu
Pembuatan	2,542 ribu
Pembinaan	1,404 ribu
Perkhidmatan	9,197 ribu
Jumlah Keseluruhan	15,096 ribu

Jadual 3: Statistik Pekerja ST3 2020 Mengikut Aktiviti Utama Ekonomi

Melihat dari beberapa statistik mengikut bahagian-bahagian tertentu dapat disimpulkan bahawa peratusan ekonomi saat ST3 2020 sangat menjejaskan kehidupan masyarakat. Pakar kriminologi bebas, Datuk Shahul Hamid Abd Rahim turut mengakui krisis ekonomi yang melanda dunia akibat pandemik Covid19 telah menyebabkan kadar depresi meningkat termasuklah di negara Malaysia sendiri.

Rakyat Malaysia perlu belajar tentang bagaimana untuk menguruskan masalah peribadi, tekanan yang dihadapi disebabkan sekeliling dengan menerusi pelbagai medium yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Bagi memulihkan ekonomi negara sangat memerlukan tempoh masa yang agak panjang. Wajarliah sekiranya rakyat Malaysia perlu mendapatkan pendapatan bagi menampung kehidupan tanpa mengira pangkat atau kedudukan dan status pekerjaan yang dijalankan.

Sedikit tinjauan dibuat di beberapa negara iaitu Eropah, Greenland, Perancis, Sepanyol dan Taiwan (Dr Firdaus Abdul Gani, Astro Awani, April 2020). Di Eropah, kebanyakan rumah kebajikan dan perlindungan serta talian bantuan masih lagi beroperasi ketika penularan wabak Covid19. Manakala di Greenland, pengharaman jualan alkohol telah dibuat akibat peningkatan kes rumahtangga yang dilaporkan. Di Perancis pula, kerajaan telah menubuhkan pusat bantuan di kedai runcit dengan kata kunci rahsia untuk membantu mangsa mendapatkan pertolongan. Ini disebabkan kebanyakan pejabat kebajikan serta pusat perlindungan ditutup.

Di Sepanyol pula, mangsa penderaan boleh pergi ke farmasi dengan menggunakan kod rahsia 'Mask19' dan kod ini membolehkan farmasi menghubungi pihak berkuasa tanpa diketahui oleh pendera. Di Taiwan, The Asian Network of Womens Shelters menawarkan seminar secara dalam talian (webinar) bagi membuat persediaan melindungi wanita daripada keganasan dan masalah rumahtangga. Mengakui masalah rumahtangga sepanjang PKP, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat negeri, Datuk Dr Norashikin Wan Noordin menasihati suami isteri hendaklah lebih bersabar selain memanfaatkan bulan Ramadhan bagi mengeratkan hubungan rumahtangga (Bernama, 2020).

Kerajaan Malaysia sangat mengambil berat tentang isu dan permasalahan ekonomi masa kini. Dengan itu, pelaksanaan semula PKP atau PKP 3.0, beberapa segmen sektor perkhidmatan yang berteraskan interaksi fizikal termasuk pelancongan dijangka akan terus terkesan akibat larangan merentas negeri dan pengekangan aktiviti sosial. Walaubagaimanapun, kerajaan yakin bahawa KDNK negara akan terus berkembang berdasarkan unjuran pada kadar 6.0% sehingga 7.5% selaras dengan anggaran Dana Kewangan Antarabangsa (6.5%), Bank Dunia (6.0%) dan Bank Pembangunan Asia (6.0%). Selain itu, pemulihan ekonomi negara juga akan disokong oleh pertumbuhan ekonomi rakan dagangan utama seperti Singapura yang

mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.2%, China (18.3%) dan Amerika Syarikat (0.4%) pada S1 2021. Pelaksanaan PICK juga akan mendorong pembukaan pelbagai sektor ekonomi, pemulihan sentiment pengguna dan seterusnya pertumbuhan serta daya tahan ekonomi Malaysia (Kementerian Kewangan, 2021).

Beberapa perkara tentang pemulihan ekonomi negara, pelaksanaan PKP 3.0 pada 10 Mei 2021 dijangka tidak akan memberi impak yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi kerana hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi. Penutupan keseluruhan ekonomi seperti PKP 1.0 pada Mac 2020 akan menyaksikan pengangguran bakal mencecah 7% (atau lebih 1 juta penganggur) yang akan lebih tertumpu kepada golongan yang bekerja sendiri, belia, wanita, serta mereka yang berkemahiran atau berpendapatan rendah. Hakikatnya, penutupan keseluruhan sektor ekonomi akan lebih memudaratkan golongan rentan dan mudah terjejas berbanding mereka yang berkemampuan. Di samping risiko pengangguran, golongan bekerja sendiri dan lebih kurang 2.8 juta PKS mikro juga lebih berisiko mengalami kekurangan pendapatan ekoran penutupan ekonomi secara keseluruhan. (Kementerian Kewangan, 2021).

### **KESAN KEJATUHAN EKONOMI TERHADAP KEBAHAGIAAN RUMAHTANGGA**

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semenjak pelaksanaan PKP 1 hingga PKP 5 bermula 18 Mac hingga 28 Jun 2020, sebanyak 288 kes aduan mengenai keganasan rumahtangga telah dilayan oleh JKJ di seluruh negara (KPWKJ, 2020). Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti di Jadual 8:

Negeri	Jumlah Kes
Selangor	105
Johor Bahru	29
Kuala Lumpur	30
Pulau Pinang	24
Pahang	19
Perak	15
Kedah	17
Negeri Sembilan	14
Sabah	15
Kelantan	9
Terengganu	3
Melaka	7
Sarawak	1
Perlis	0
W.P. Labuan	0
Jumlah	288 kes

Jadual 8: Kes Aduan Keganasan Rumahtangga Sepanjang PKP 1 hingga PKP 5 Bagi Tahun 2020

Beberapa langkah telah di ambil oleh KPWKM dalam menangani isu keganasan rumahtangga seperti menyediakan material advokasi bagi meningkatkan kefahaman mengenai tindakan, hak serta perkhidmatan dan perlindungan yang boleh di akses oleh mangsa keganasan rumahtangga. Selain itu, memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan sedia ada dengan kerjasama rapat bersama badan-badan bukan kerajaan agar mangsa dan orang ramai melaporkan kes keganasan rumahtangga yang turut diuar-uarkan melalui sistem pesanan ringkas MKN (KPWKM, 2020).

Tambahan lagi, KPWKM juga turut membantu memastikan permohonan perlindungan melalui Emergency Protection Order (EPO), Interim Protection Order (IPO) dan Protection Order (PO) dapat diakses oleh mangsa sepanjang tempoh PKP termasuk mendapatkan kerjasama PDRM bagi memudahkan pergerakan mangsa untuk membuat laporan dan aduan. Justeru itu, pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyediakan khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999 (KPWKM, 2020).

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, apa yang dapat disimpulkan oleh penyelidik mengenai hubungan status ekonomi semasa penularan Covid19 terhadap kebahagiaan rumahtangga ialah ekonomi merupakan salah satu sumber kebahagiaan dalam sesebuah rumahtangga. Ini kerana tanpa ekonomi yang stabil akan memberi kesan kepada tekanan mental, kemurungan, kebimbangan, perbalahan dan sebagainya.

Dalam sebuah buku yang bertajuk “Islam Agama Yang Sempurna”, hasil karya oleh Syeikh Muhammad Al-Amin bin Muhammad Al-Mukhtar Asy-Syanqithi menjelaskan bahawa al-Quran telah mengatur masalah ekonomi dengan menjelaskan prinsip-prinsip ekonomi di mana terdapat dua prinsip iaitu kebijaksanaan dalam mencari harta dan kebijaksanaan ketika membelanjakan sesuai dengan keperluannya. Firman Allah SWT tentang jalan mencari harta yang bermaksud (al-Qur’an, al-Jumu’ah 62:10): “Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi: dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah sebanyaknya agar kamu menjadi orang yang beruntung.”

Allah SWT juga berfirman tentang metod atau kaedah membelanjakan harta yang telah diperolehi serta perhatikanlah bagaimana Allah SWT memerintahkan sikap berjimat-cermat yang bermaksud (al-Qur’an, al-Isra’, 17:29): “Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu menahkannya.”

“Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian (al-Qur’an, al-Furqan 25:67).”

“Dan mereka bertanya kepadamu apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah, ‘Yang lebih dari keperluan.’” (al-Qur’an, al-Baqarah, 2:219)

Begitulah firman-firman Allah SWT kepada hamba-Nya tentang cara dan kaedah yang sesuai bagi menyelesaikan beberapa punca dan permasalahan ekonomi. Sesungguhnya Allah SWT tidak pernah menzalimi hamba-hambanya malah yang berlaku adalah sebaliknya di mana hamba-hambanya yang menzalimi diri sendiri.

Ujian, bencana, permasalahan yang menimpa sudah pastinya tidak ada sesiapa yang menginginkannya. Akan tetapi apabila manusia di uji, hendaklah bersifat sabar dan bijak serta sentiasa bersedia dan bertawakkal untuk mengharunginya. Sabar adalah sifat orang mulia dan di dalam al-Quran serta hadis seringkali disebutkan antara sifat orang yang akan memasuki syurga adalah orang yang bersabar. Justeru itu, sekiranya manusia sentiasa bersabar, akan layak memasuki syurga yang diidamkan. Al-Quran juga ada menyebutkan bahawa rumahtangga sebagai satu nikmat yang sangat agung.

Pernikahan adalah kunci kejayaan dalam meneruskan corak generasi muda pada masa akan datang. Terdapat tiga perkara penting dalam menjaga keharmonian dan kebahagiaan rumahtangga di dalam al-Quran.

- Pertama:** Selalu melihat pasangan sebagai seorang sahabat dalam menjalani kehidupan bersama.
- Kedua:** Sentiasa menambah semangat ahli keluarga untuk beribadah kepada Allah SWT kerana ini merupakan hal yang paling penting. Ia akan mewujudkan perasaan kasih sayang serta memantapkan hati antara suami dan isteri agar sentiasa saling menyayangi dan mencintai dalam ikatan perkahwinan.
- Ketiga:** Sentiasa memanjatkan doa agar Allah SWT menjadikan pasangan keluarga sebagai penyejuk hati dan model terunggul pada anak-anak serta keturunannya.

Al-Quran merupakan *Ummul Kitab* yang membahas segala hal yang diperlukan oleh manusia dalam menjalani kehidupan termasuklah masalah ekonomi. Sistem ekonomi yang telah digariskan dan ditetapkan oleh syariatlah yang menjadi pegangan utama manusia. Jika ia dapat dicapai dengan baik, maka akan tercapailah kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan terutamanya kehidupan berkeluarga. Jika sebaliknya, maka akan selalu terjadi permasalahan yang tidak pernah berkesudahan dan selalu menimbulkan pertikaian.

Sebagai pasangan suami isteri hendaklah sentiasa berkomunikasi dan mewujudkan toleransi agar masalah yang dihadapi dapat dijalani dengan baik. Isu kejatuhan ekonomi semasa penularan Covid19 merupakan isu global di mana semua manusia menghadapinya. Tiada jalan penyelesaian yang lebih baik selain daripada mengasah bakat dan kebijaksanaan dalam menguruskan keperluan dan mengetepikan sementara kehendak. Selain itu, sebagai ibubapa hendaklah menjadi teladan yang baik buat anak-anak terutamanya ketika mengadakan *musyawarah* bersama-sama tentang perbezaan keperluan dan kehendak.

## RUJUKAN

- Abd Aziz Harjin. 2017. Islam sebagai al din. <https://abdazizharjin.blogspot.com>  
 Afiq Rahim. 2020. *Beza antara PKP, PKPD, PKPDB, PKPB dan PKPP*.  
 Arum Sutrisni Putri. 2020. *10 Prinsip Ekonomi*.

- Cahaya Dicky Pratama. 2020. *Ekonomi Syariah: Definisi, Prinsip, dan Tujuannya*. Kompas.com.<https://www.google.com/amp/s/amp.kompas.com/skola/read/2020/11/22/164206869/ekonomi-syariah-definisi-prinsip-dan-tujuannya>
- DOSM. (2021, Januari). *Berita dan Isu Semasa Impak Covid-19 Kepada Ekonomi*. Editor. 2020. 190 kes keganasan rumahtangga dicatat ketika PKP. *Minda Rakyat*. ekonomi negara. *Berita Harian Online*.
- Firdaus Abdul Gani. 2020. Mengapa kes keganasan rumah tangga meningkat semasa PKP. *Astro Awani*.
- Hushim Salleh. 2020. Cabaran keluarga ketika pandemik Covid19. *Sinar Harian*.
- Irwan Shah Zainal Abidin. (2020, November). Mendepani cabaran
- Mahaizura Abd Malik. 2020. KPWK nafi keganasan rumah tangga meningkat sepanjang PKP. *Harian Metro*.
- Minderjeet Kaur. 2021. Kesan PKP yang tersembunyi dan membunuh. *Free Malaysia Today*.
- Muhaamad Hafis Nawawi. 2020. 353 kes keganasan rumahtangga dilaporkan. *Harian Metro*.
- Muhamad Faiz Baharin. 2020. Kisah Duka Dan Derita Isteri Di Sebalik Tabir PKP. *Berita Harian Online*.
- MYSumber. (2020, Februari). *PKP, PKPB Boleh Buat Apa Dan Tak Boleh Buat Apa? Ini*
- Nur Alina Hassan. 2020. 1,929 aduan keganasan rumah tangga sepanjang PKP. *Utusan Malaysia*.
- Okezone. 2020. Kecemasan Masyarakat Mulai Bergeser Dari Corona Ke Masalah Ekonomi. pergerakan/pertumbuhan-ekonomi-malaysia-semakin-pulih.
- Peter Garlans Sina. 2020. Ekonomi Rumahtangga di Era Pandemi Covid19. *Journal of Management (SME's)* 12(2): 239-254.
- Raiham Mohd Sanusi. (2020, Oktober). Cabaran keluarga ketika pandemik Covid19. Semakin Pulih. *Senarai SOP Waktu Operasi*. <https://www.mysumber.tv/perintah-kawalan-Siaran-Media>.
- Siaran Media. 2021. Prestasi KDNK Suku Pertama 2021: Pertumbuhan Ekonomi Malaysia *Sinar Harian*.
- Sofea Susan Albert Kassim. 2020. Ramai stress! KKM terima lebih 8,000 panggilan aduan kesihatan mental sepanjang PKP. *Semasa*.
- Theresia Vania Radhitya, Nunung Nurwati & Maulana Irfan. 2020. Dampak Pandemi Covid19 Terhadap Kekerasan Dalam Rumah Tangga. *Jurnal Kolaborasi Resolusi Konflik* (2): 111-119.
- Zalee. 2009. *Geografi Manusia STPM (Sektor Ekonomi Utama)*.